

Adun Bebas Luyang Hantar Permohonan Sertai PBRs
Bernama
May 13, 2014

KOTA KINABALU, 13 Mei (Bernama) -- Anggota Dewan Undangan Negeri Luyang (Bebas) Dr Hiew King Cheu telah mengemukakan permohonannya untuk menyertai Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), namun masih menunggu jawapan daripada kepimpinan parti itu sama ada beliau diterima sebagai anggota baharu.

Hiew mengakui permohonannya adalah istimewa kerana beliau merupakan seorang wakil rakyat justeru memerlukan persetujuan daripada PBRs dan komponen parti Barisan Nasional (BN) yang lain.

"Tidak mengapa berapa lama mereka akan mengambil masa untuk membincangkan permohonan saya kerana saya memahami kebimbangan mereka bahawa saya seorang wakil rakyat.

"Tetapi ketika mereka (PBRs) membuat pertimbangan, saya akan terus menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan di kawasan saya," katanya kepada Bernama ketika dihubungi di sini hari ini.

Hiew, bekas pemimpin DAP negeri, berkata beliau mengemukakan permohonan kira-kira dua bulan lepas selepas memutuskan beliau perlu mempunyai platform di bawah kerajaan untuk memenuhi hasratnya.

Sementara itu, Setiasaha Agung PBRs Dr Johnson Tee mengesahkan Hiew telah memohon untuk menjadi anggota PBRs namun pucuk pimpinan parti belum membincangkan perkara berkenaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1037996>